



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 25 SEPTEMBER 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Laksana kempen kesedaran elak RON95 diseludup

Kota Bharu: Agensi kerajaan perlu bergandingan menjalankan kempen kesedaran kepada pemilik stesen minyak, khususnya berhampiran sempadan negara supaya tidak menjual RON95 kepada individu disyaki penyeludup.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan, Azman Ismail, berkata kesedaran itu perlu untuk mengelakkan RON95 untuk kegunaan penduduk tempatan diseludup ke negara jiran.

Beliau berkata, ini berikutan harga RON95 yang ditetapkan untuk bukan warganegara, iaitu RM2.60 seliter masih rendah, berbanding dijual di Thailand RM5.50 seliter.

Katanya, penyeludup masih boleh membeli RON95 dengan harga rendah dan dibawa ke negara jiran untuk mendapat keuntungan.

“Disebabkan harga petrol negara kita lebih murah, penyeludup akan terus membeli minyak ini secara berulang di stesen minyak untuk dijual di negara jiran kita.

“Justeru, kerajaan perlu menjalankan pelbagai kaedah, termasuk memberi kesedaran kepada pemilik stesen minyak, terutama berdekatan sempadan negara supaya tidak menjual petrol kepada individu yang disyaki penyeludup,” katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau berkata, penetapan harga RM1.99 berbanding RM2.05 satu liter kepada rakyat tempatan tanpa mengambil kira tahap pendapatan akan meringankan kos sara hidup rakyat.

TikTok Shop suntik dana RM20 juta perkasa PMKS

PETALING JAYA: TikTok Shop, platform e-dagang Malaysia menyuntik dana tambahan bernilai RM20 juta ke dalam ekonomi digital tempatan melalui #JomLokal Booster Stimulus Package bagi meningkatkan sokongan terhadap Perusahaan Mikro, Kecil Dan Sederhana (PMKS) serta produk keluaran tempatan.

Pengarah Kanan Kerjasama Strategik TikTok Shop Malaysia, Nur Azre Abdul Aziz berkata, sejak 2023 sumber dan pendedahan khusus disalurkan kepada ribuan PMKS Malaysia melalui inisiatif #JomLokal telah mendorong pertumbuhan mampan produk buatan tempatan.

"Inisiatif terbaharu ini memperkukuh komitmen mengekalkan ekosistem e-dagang yang inklusif, dengan melabur semula ke dalam ekonomi digital Malaysia serta komuniti tempatan kami," katanya dalam kenyataan.

Sementara itu, Timbalan Menteri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Dr. Fuziah Salleh berkata, visi Malaysia untuk menjadi negara berteraskan digital bergantung pada ke-siapsiagaan usahawan tempatan untuk menerima inovasi.

Menurutnya, Inisiatif #JomLokal membuktikan bagaimana pemain industri dapat



Inisiatif terbaharu ini memperkukuh komitmen mengekalkan ekosistem e-dagang yang inklusif."

membantu meringankan kos operasi PMKS untuk turut serta dalam ekonomi digital.

"Kempen #JomLokal bukan sekadar platform untuk menjual produk tempatan, malah menjadi saluran untuk kita membina ekosistem digital yang mampan. Ekosistem ini bukan sahaja menjana manfaat ekonomi namun memupuk sebuah masyarakat yang lebih inklusif, patriotik dan berdaya saing.

"Saya yakin dengan usaha berterusan, kita mampu meletakkan Malaysia sebagai negara contoh yang berjaya menyatukan teknologi, usahawanan dan identiti kebangsaan dalam satu kerangka yang unik," katanya.

Setiap penjual yang layak akan menerima pengecualian yuran komisen bernilai RM1,000 sehingga 120 hari serta Baucar Promosi Iklan bernilai RM50 yang ditanggung oleh platform.

Oleh Suliati Asri
 suliati@hmetro.com.my

KARNIVAL KPDN ZON UTARA

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bakal mengorganisasikan zon Utara menerusi Jelajah Karnival KPDN 2025 dan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) yang akan berlangsung 26 hingga 28 September ini di Dataran Amanjaya Mall, Sungai Petani, Kedah.

Siri jelajah ini adalah kali keempat selepas kejayaan pengaturannya di Zon Selatan (Johor), Sabah dan Sarawak sekali gus mencerminkan usaha berterusan KPDN dalam mendekatkan masyarakat dengan fungsi serta perkhidmatan KPDN.

Pengunjung berpeluang mendapatkan pelbagai informasi menarik dan interaktif melalui Pavilion KPDN dan agensi yang menawarkan khidmat nasihat, advokasi kepenggunaan dan penguatkuasaan, pendaftaran perniagaan dan harta intelek serta memanfaatkan semua inisiatif serta bantuan kos sara hidup yang disediakan untuk rakyat melalui Pavilion Kos Sara Hidup.

Jualan RAHMAH MADANI 56 Jam Tanpa Henti

Acara yang dinantikan dan menjadi tumpuan utama di Karnival KPDN iaitu Jualan RAHMAH MADANI menawarkan pelbagai barangan keperluan harian kering dan basah pada harga 10 hingga 30 peratus lebih murah berbanding harga pasaran.

Istimewanya di Zon Utara, jualan ini berlangsung tanpa henti selama 56 jam, bermula 9 pagi (Jumaat) hingga 6 petang (Ahad) sekali gus membolehkan orang ramai membeli-belah pada bila-bila masa, walaupun pada jam 3 pagi!

Jualan RAHMAH MADANI 56 jam tanpa henti

Selain itu, gerai jualan Menu RAHMAH juga menyajikan pelbagai menu makanan dan minuman pada harga serendah RM5.00 sahaja.

Sokong Produk Tempatan

Mengangkat slogan "Jom Beli Lokal" menerusi inisiatif Kempen Beli Barangan Malaysia yang diperkasakan bersama Karnival KPDN

pada tahun ini, pengunjung boleh menzahirkan semangat cintakan negara dengan menyokong dan membeli pelbagai produk dan barangan daripada lebih 50 usahawan tempatan termasuk jenama besar seperti Julie's, Farm Fresh, Mokti's, Hasnuri, Radix dan banyak lagi.

Manakala, khemah automotif yang menampilkan tiga jenama besar tempatan iaitu Proton, Perodua dan

Modenas pastinya memikat hati pengunjung dengan pakej jualan dan rebat hebat yang ditawarkan.

Ilmu dan Hiburan Seisi Keluarga

Selain 'Pocket Talk' dan sesi interaktif Kahoot, karnival ini juga menawarkan pelbagai aktiviti menarik untuk seisi keluarga termasuklah 'Meet & Greet' Didi & Friends, pertandingan me-

warna kanak-kanak, Art Battle, Eksplorasi Mini KPDN, Nyanyian Cilik Patriotik, e-Sports dan Ekspedisi Kos Sara Hidup.

Karnival KPDN ini akan turut dihangatkan dengan persembahan artis jemputan seperti Black Hanifah, Usop Mentor, Iman Troye, Darulaman Buskers dan Kumpulan Hijjaz.

Bagi pencari kerja, jangan lepaskan Karnival Kerjaya x MYFutureJobs anjuran ber-

sama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang mengangarkan lebih 15 majikan termasuk Perusahaan Otomobil Nasional Sdn Bhd (PROTON), United Overseas Bank (UOB), Pelabuhan Tanjung Pelepas dan banyak lagi dengan lebih 400 jawatan kosong ditawarkan kepada pencari kerja.

Masuk Percuma dan menang Cabutan Bertuah

Masuk adalah percuma. Pengunjung yang berbelanja di mana-mana khemah jualan juga berpeluang memenangi pelbagai hadiah menarik termasuklah Proton S70, Perodua Alza dan Modenas Kriss 110.

Selaras dengan tagline "IKHTIAR KITA Untuk Semua", Jelajah Karnival KPDN 2025 dan KBBM Zon Utara bukan sekadar membawakan hiburan, merangsang jualan dan ekonomi usahawan tempatan, tetapi usaha merakyatkan fungsi serta perkhidmatan KPDN seterusnya melahirkan masyarakat yang berdaya upaya.

Ayuh! Warga zon Utara termasuk Kedah, Pulau Pinang dan Perlis, luangkan hujung minggu anda berhibur bersama keluarga dengan berkunjung ke Karnival KPDN 2025 dan KBBM Zon Utara.

Maklumat lanjut berkaitan pengisian boleh didapati dengan melayari platform media sosial rasmi KPDN Laman Rasmi.

"IKHTIAR KITA Untuk Semua"

BUDI95: Agihan subsidi RON95 lebih bersasar

SHAH ALAM -

Inisiatif Budi Madani RON95 (BUDI95) disifatkan dilaksanakan tepat pada masanya apabila selama ini subsidi petrol RON95 itu turut dinikmati pihak tidak sepatutnya termasuk warga asing.



ANIS ANWAR

Ketua Penyelidik O2 Research, Anis Anwar Suhaimi berkata, ia menjadi satu bentuk reformasi dasar yang cuba menutup ruang kebocoran tersebut.

"Malaysia memang sudah mempunyai mekanisme perundangan yang jelas melalui Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 dan Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) yang melarang penjualan petrol bersubsidi RON95 kepada kenderaan bernombor pendaftaran asing.

"Namun begitu, kelemahan utama terletak pada aspek penguatkuasaan di lapangan. Kerjasama yang longgar daripada sebahagian pengusaha stesen minyak serta pengawasan yang tidak konsisten telah menyebabkan ketirisan subsidi terus berlaku," katanya kepada *Sinar Harian*.

Anis Anwar berpandangan, dengan menetapkan siling kelayakan bulanan sebanyak 300 liter pada harga RM1.99 seliter, kerajaan bukan sahaja mahu memastikan subsidi benar-benar sampai kepada golongan sasaran, malah juga mengawal agar tiada pihak mengeksploitasi kemudahan tersebut secara berlebihan.

Menurut beliau, pendekatan berkenaan boleh dilihat sebagai usaha untuk menyusun semula agihan subsidi dengan lebih adil dan bersasar.

"Kelemahan penguatkuasaan lama telah memaksa kerajaan memperkenalkan mekanisme baharu yang lebih sistematik.

"Reformasi ini bukan sekadar menyekat ketirisan akibat penyalahgunaan oleh warga asing, tetapi juga menzahirkan komitmen kerajaan untuk melindungi kepentingan rakyat tempatan serta memastikan subsidi digunakan secara optimum bagi kumpulan penerima yang layak," ujarnya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



Penurunan harga RON95 bendung tekanan inflasi

Subsidi bersasar kurangkan beban perbelanjaan isi rumah dan pengangkutan

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Penurunan harga di pam bagi RON95 kepada RM1.99 seliter daripada RM2.05 seliter bermula 30 September ini dijangka mengurangkan tekanan inflasi di negara ini, demikian menurut penganalisis.

Pelarasan harga bahan api itu dilihat mampu melegakan beban perbelanjaan isi rumah dan pengangkutan, memandangkan RON95 membawa 5.5 peratus pemberat dalam bakul Indeks Harga Pengguna (IHP), alat yang digunakan untuk mengukur ka-



dar inflasi Malaysia.

BIMB Securities Research berkata, pihaknya membuat semakan semula unjuran inflasi bagi keseluruhan 2025 yang lebih rendah kepada 1.5 peratus berbanding 2.0 peratus sebelum ini.

Ia berkata, semakan semula itu dibuat selepas mengambil kira tekanan kos yang rendah, penangguhan dalam melaksanakan rasionalisasi subsidi bahan api secara bersasar dan pengurangan harga pam RON95.

Pihaknya juga menjangkakan, walaupun skop Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) diperluas telah menambah tekanan khusus bagi sesetengah kategori, kesan keseluruhannya adalah terhad setakat ini.

"Melangkah ke hadapan, in-

flasi berkemungkinan kekal sederhana menjelang awal separuh kedua 2025 sebelum meningkat secara beransur-ansur apabila kesan kelewatan tarif global semakin meningkat, dengan tekanan yang lebih ketara dijangka menjelang akhir 2025 atau ke 2026.

"Dinamik domestik sepatutnya membantu mengurangkan seretan luaran," katanya menerusi satu nota penyelidikan.

Kerajaan MADANI memperuntukkan sekitar RM11 bilion untuk menampung perbezaan antara harga bersubsidi RM1.99 seliter dan harga pam tanpa subsidi sekitar RM2.60 seliter di bawah inisiatif subsidi petrol BUDI MADANI RON95 (BUDI95) bagi melindungi kesejahteraan rakyat.

Jimat sehingga RM4 bilion

Kementerian Kewangan memaklumkan, dengan memansuhkan subsidi pukal, kerajaan MADANI mengunjurkan BUDI95 akan menjana penjimatan antara

RM2.5 bilion dan RM4 bilion setahun.

Penjimatan ini akan digunakan untuk memperluas bantuan bersasar yang memberi manfaat terus kepada rakyat, termasuk Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA).

Pelaksanaan BUDI95 adalah bagi semua rakyat tempatan tanpa mengambil kira tahap pendapatan, sementara bagi bukan warga negara pula, harga RON95 adalah pada RM2.60 bermula tarikh yang sama.

Melalui BUDI95, semua rakyat Malaysia layak menikmati harga bersubsidi sehingga 300 liter sebulan, manakala pemandu e-hailing diberi kelayakan tambahan bagi memastikan kelangsungan pekerjaan.

Dalam pada itu, BIMB Securities Research melihat tekanan dari segi permintaan mungkin meningkat berikutan pengurangan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada Julai, dengan kos pinjaman yang lebih rendah di-

jangka merangsang perbelanjaan isi rumah.

Katanya, ia akan disokong oleh pasaran buruh yang sihat, langkah fiskal terkini dan kelewatan dalam pelarasan subsidi.

"Walaupun begitu, dengan tekanan harga keseluruhan yang berkemungkinan kekal terurus, Bank Negara Malaysia (BNM) dijangka mengekalkan OPR tidak berubah pada 2.75 peratus untuk sepanjang tahun ini, mencapai keseimbangan antara menyokong pertumbuhan dan mengekalkan kestabilan harga," katanya.

Kadar inflasi Malaysia yang diukur melalui IHP meningkat 1.3 peratus pada Ogos 2025.

Sebanyak 59.7 peratus item atau 342 daripada 573 merekodkan kenaikan harga bulan lalu.

Namun, daripada jumlah berkenaan, 332 item (97.1 peratus) mencatatkan peningkatan kurang atau sama dengan 10 peratus, manakala hanya 10 item merekodkan kenaikan melebihi 10 peratus pada Ogos 2025.

Inflasi 2025 dijangka 1.6 peratus

- **Purata inflasi kini 1.4 peratus**
- **Budi95 penampakan lonjakan inflasi**

PETALING JAYA – Firma penyelidikan pasaran, TA Research menjangkakan purata inflasi pada 1.6 peratus bagi tahun 2025, selari dengan unjuran Bank Negara Malaysia iaitu dalam julat antara 1.5 dan 2.3 peratus.

Menurutnya dalam nota kajian semalam, untuk tahun 2026, inflasi diunjurkan pada 1.5 hingga dua peratus tahun ke tahun, dengan langkah rasionalisasi subsidi bakal diimbangi oleh bantuan yang disasarkan dan kawalan harga.

Jelasnya, yang lebih penting, tekanan harga akan lebih didorong oleh faktor tarikan per-

mintaan seperti perbelanjaan isi rumah, pasaran buruh yang kukuh serta kenaikan gaji sektor awam, dan bukannya faktor tolakan kos seperti tarif bahan api atau utiliti.

"Memandang ke hadapan, risiko menaik kepada trajektori inflasi kelihatan minimum, dengan rasionalisasi subsidi di bawah program Budi Madani RON95 dijangka memberi impak terhad kepada inflasi keseluruhan.

"Skim itu akan terus bertindak sebagai penampakan kepada lonjakan inflasi khususnya dalam segmen pengangkutan dengan menurunkan kos bahan api untuk isi rumah dan menyokong kuasa beli bagi kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana," katanya.

Jabatan Perangkaan kelmarin mengumumkan Indeks Harga

Pengguna Malaysia naik 1.3 peratus pada Ogos 2025, naik sedikit berbanding 1.2 peratus pada Julai, yang didorong oleh kenaikan premium insurans, serta kos penjagaan diri dan restoran yang lebih tinggi berikutan peluasan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

Bagi tempoh lapan bulan pertama 2025, purata inflasi berada pada paras 1.4 peratus.

TA Research berkata, secara keseluruhan, imbalan risiko masih menunjukkan inflasi yang stabil, membolehkan penggunaan terus menyokong pertumbuhan.

"Dasar monetari pula dilihat akomodatif, dengan Kadar Dasar Semalaman (OPR) dijangka kekal pada 2.75 peratus tahun ini, memastikan persekitaran pembiayaan yang menggalakkan," katanya.



PENYASARAN subsidi bahan api Budi95 bakal menurunkan kos bahan api bagi kebanyakan isi rumah. – GAMBAR HIASAN



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 25 SEPTEMBER 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
25-Sep	Jangan hanya mengadu di media sosial, usahawan mangsa ciplak diberitahu	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/09/24/jangan-hanya-mengadu-di-media-sosial-usahawan-mangsa-ci-plak-diberitahu	FREE MALAYSIA TODAY
25-Sep	Jualan RAHMAH MADANI 56 jam tanpa henti	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/09/1267413/jualan-rahmah-madani-56-jam-tanpa-henti	HARIAN METRO
25-Sep	RON95 subsidy keeps lid on inflation, steadies spending	https://www.nst.com.my/business/economy/2025/09/1279897/ron95-subsidy-keeps-lid-inflation-steadies-spending	NEW STRAIT TIMES
25-Sep	Inflasi Malaysia lebih terkawal dengan mekanisme subsidi BUDI95 baharu - PublicInvest	https://www.dagangnews.com/article/terkini/inflasi-malaysia-lebih-terkawal-dengan-mekanisme-subsidi-budi95-baharu-publicinvest-58199	DAGANG NEWS
25-Sep	Pemandu kereta sewa minta kerajaan perinci jumlah subsidi	https://www.sinarharian.com.my/article/749279/berita/nasional/pemandu-kereta-sewa-minta-kerajaan-perinci-jumlah-subsidi	SINAR HARIAN
25-Sep	KPDN Lancar Kempen Jom Lokal 2025, Perkasa Ekonomi Usahawan	https://malaysiabangkit.com/kpdn-lancar-kempen-jom-lokal-2025-perkasa-ekonomi-usahawan/	MALAYSIA BANGKIT

25-Sep	KPDN dan TikTok Shop Bekerjasama Lancar Pesta #JomLokal 2025	https://newswav.com/article/kpdn-dan-tiktok-shop-bekerjasama-lancar-pesta-jomlokal-2025-A2509_6yCXO9	NEWSWAV
25-Sep	KPDN serbu premis hiburan guna lagu tanpa kebenaran hak cipta	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-serbu-premis-hiburan-guna-lagu-tanpa-kebenaran-hak-cipta-	ASTRO AWANI
25-Sep	KPDN Perak serbu dua pusat hiburan langgar hak cipta	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/kpdn-perak-serbu-dua-pusat-hiburan-langgar-hak-cipta/	UTUSAN MALAYSIA
25-Sep	Set karaoke disita, dua premis hiburan diserbu KPDN langgar hak cipta	https://www.sinarharian.com.my/article/749399/berita/semasa/set-karaoke-disita-dua-premis-hiburan-diserbu-kpdn-langgar-	SINAR HARIAN
25-Sep	KPDN raids two Ipoh entertainment outlets for copy-right infringement	https://thesun.my/malaysia-news/kpdn-raids-two-ipoh-entertainment-outlets-for-copyright-infringement-EK14963070	THE SUN
25-Sep	Dua pusat hiburan langgar hak cipta karya, guna tanpa kebenaran	https://www.kosmo.com.my/2025/09/24/dua-pusat-hiburan-langgar-hak-cipta-karya-guna-tanpa-kebenaran/	KOSMO
25-Sep	Pembelian petrol RON95 bersubsidi syarikat pengangkutan awam, barangan guna Fleet Card	https://malaysiatribune.news/berita-semasa/pembelian-petrol-ron95-bersubsidi-syarikat-pengangkutan-awam-barangan-guna-fleet-card/	MALAYSIA TRIBUNE